

---

## **SIARAN BERITA**

### **MyCC MEMBERI AMARAN PENGENDALI-PENGENDALI BAS SEKOLAH BOLEH DIKENAKAN DENDA**

**KUALA LUMPUR, 23hb Oktober 2014** – Amaran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) terhadap penetapan harga oleh pengendali-pengendali bas sekolah baru-baru ini seperti tidak diambil kira oleh Gabungan Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia (GPBSM). Berdasarkan petikan dari sebuah akhbar harian tempatan, Presiden GPBSM, Mohd Rofik Mohd Yusof, telah mengumumkan persetujuan sejumlah 18,000 operator bas seluruh negara yang bernaung di bawah GPBSM untuk menetapkan bersama kenaikan tambang bas sekolah sebanyak 30 peratus mulai tahun depan.

Sebelum ini Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, telah menyatakan bahawa perlakuan penetapan harga seperti itu adalah bertentangan dengan Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 ("Akta") dan mengingatkan operator bas supaya menentukan struktur tambang bas mereka secara bebas dan tidak menetapkan struktur tambang bas bersama operator bas yang lain.

"Berikutan penyahkawalan struktur tambang bas sekolah, ini adalah masanya untuk pengguna menggunakan hak mereka berunding dengan operator-operator bas masing-masing untuk mendapatkan kadar tambang bas sekolah yang munasabah," kata Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. "Dengan cara itu pengguna bukan sahaja boleh memastikan mereka mendapat kadar yang berpatutan tetapi juga membantu memerangi perlakuan seperti kartel."

"Mana-mana ahli persatuan yang didapati mengambil bahagian serta bersetuju dalam penetapan harga secara kolektif, merupakan pelanggaran terhadap Akta dan boleh dikenakan penalti kewangan sehingga 10% daripada jumlah keseluruhan perolehan mereka," kata Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Shila Dorai Raj memberi amaran mengenai perkara itu. MyCC juga mungkin akan memberikan apa-apa arahan lain yang dianggap sesuai untuk memastikan pematuhan pada masa akan datang.

Menaikkan harga bukanlah amalan antipersaingan secara amnya tetapi jika peningkatan harga tersebut merupakan hasil daripada pakatan sulit melalui perjanjian-perjanjian

---

penetapan harga oleh mana-mana persatuan atau mana-mana kumpulan penjual, pembekal atau pengeluar, kegiatan seperti kartel ialah satu pelanggaran serius dibawah Akta.

Baru-baru ini MyCC telah mengenakan satu cadangan penalti berjumlah RM439,000.00 bagi 24 anggota Persatuan Bakeri dan Manisan Sibul ("Sibul Confectionery and Bakers Association" atau SCBA) setelah didapati mengambil bahagian dalam perjanjian penetapan harga secara kolektif bagi menaikkan harga manisan dan produk-produk bakeri.

Seksyen 4 daripada Akta melarang perusahaan, termasuk persatuan, dari menetapkan, secara langsung atau tidak langsung suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain bagi pembelian barangan dan perkhidmatan.

Berikutan penyahkawalan tambang bas sekolah oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) baru-baru ini, pengendali-pengendali bas sekolah tidak akan terikat kepada satu struktur tambang tetap lagi tetapi bebas menentukan anggaran tambang masing-masing berdasarkan kos operasi mereka sendiri.

Di bawah Seksyen 40(4) daripada Akta, jika satu perusahaan didapati bersalah kerana pelanggaran dibawah Akta, MyCC boleh mengenakan penalti kewangan sehingga 10% perolehan di seluruh dunia perusahaan dalam tempoh pelanggaran, atau memberikan apa-apa arahan lain yang dianggap sesuai untuk memastikan pematuhan oleh persatuan-persatuan serta perusahaan-perusahaan perniagaan pada masa akan datang.

Orang awam yang mempunyai maklumat berkenaan kelakuan oleh persatuan dan perusahaan perniagaan yang sedang atau telah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penetapan harga perlu menghubungi MyCC di +603-2273 2277 atau melalui e-mel di [complaints@mycc.gov.my](mailto:complaints@mycc.gov.my).

Untuk maklumat lanjut mengenai MyCC dan Akta Persaingan 2010, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

---tamat---

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Rowena Wong, Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: [rowena@mycc.gov.my](mailto:rowena@mycc.gov.my)

Anis Syafiq, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: [anis@mycc.gov.my](mailto:anis@mycc.gov.my)

**Unit Komunikasi Korporat**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

Untuk maklumat lanjut tentang Akta dan MyCC, sila rujuk laman web [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).